

# STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

**NAMA PUSAT : READING ROOM**  
**FUNGSI : BAHASA**  
**TAJUK : SAYA DAN STESEN ANGKASA**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	BM 3.2	Menguasai kemahiran menulis.
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	BM 3.2.3	Menyalin perkataan.
		BM 3.2.5	Menyalin ayat mudah.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Mengenal pasti fungsi peralatan-peralatan di stesen angkasa
		<b>T</b>	Buku Pop-up”
		<b>R</b>	Mengetahui stesen angkasa dicipta oleh manusia.
		<b>E</b>	Membuat reka bentuk buku “pop-up”
		<b>A</b>	Menyediakan buku “pop-up” mengikut kreativiti kanak-kanak.
		<b>M</b>	Mengenal pasti ukuran dan saiz buku yang dihasilkan.
4	<b>OBJEKTIF</b>	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan buku cerita “Stesen Angkasa”</li> </ul>	
5	<b>BBM</b>	Kotak, kad soalan, kad ayat, alat tulis, gambar helmet, kertas warna A4.	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Kanak-kanak bersoaljawab dengan guru secara bertatasusila.	

**STRATEGI PELAKSANAAN**

1. Kanak-kanak dibawa ke pusat pembelajaran.
2. Kanak-kanak diminta meneka apakah objek yang terdapat di dalam kotak. (pop-up book)
3. Kanak-kanak melihat 'pop-up book' berbentuk helmet angkasawan yang ditunjukkan oleh guru.
4. Kanak-kanak melihat gambar stesen angkasa dalam buku.
5. Kanak-kanak mendengar cerita tentang stesen angkasa.
6. Kanak-kanak membaca ayat yang terdapat dalam buku cerita.

Contoh :

- Ini stesen angkasa.
  - Stesen angkasa sangat besar.
  - Bumi dapat dilihat dari stesen angkasa.
  - Angkasawan membuat uji kaji disini.
  -
7. kanak-kanak dibahagikan kepada kumpulan kecil.
  8. Setiap kumpulan diberikan bahan-bahan untuk membuat pop-up book.
  9. Kanak-kanak memulakan aktiviti membuat pop-up book dengan menggantung gambar stesen angkasa dan beberapa keping gambar stesen angkasa dengan bimbingan guru.
  10. Kanak-kanak menulis ayat mudah untuk menjadi cerita dalam buku "pop-up" yang dihasilkan mereka.
  11. Kanak-kanak melipat kertas warna A4 untuk membuat *pop-book* dan melekatkan gambar stesen angkasa serta melekatkan ayat mudah yang telah siap ditulis. Contoh: Ini stesen angkasa.
  12. Kanak-kanak menunjukkan hasil kerja kepada rakan kelas.
  13. Buku cerita "Stesen Angkasa" dipamerkan di pusat pembelajaran.

**Nota:**

\* guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian.

\* guru juga perlu memastikan keselamatan kanak-kanak diutamakan semasa aktiviti dijalankan.

